ULANGKAJI SAINS TINGKATAN 2
TEMA 2 PENEROKAAN UNSUR DALAM ALAM
Cikgu Suhaida Binti Mt Salleh

BAB 5 AIR DAN LARUTAN

1. Padankan bahan-bahan berikut dengan jenis campuran yang betul.

Darah	•	• **Koloid**
Karbon dioksida di dalam air	•	• **Ampaian**
Campuran air dan serbuk kapur	•	• **Larutan**

2. Pilih **Benar** atau **Palsu** pada pernyataan di bawah mengenai perbezaan antara penyejatan dengan pendidihan.

i) Penyejatan merupakan proses yang perlahan manakala pendidihan merupakan proses yang sangat cepat.	
ii) Penyejatan berlaku pada keseluruhan cecair manakala pendidihan berlaku pada permukaan cecair sahaja.	
iii) Penyejatan berlaku pada semua suhu di bawah takat didih manakala pendidihan berlaku pada takat didih sahaja.	

3. Zamri menambah sedikit garam ke dalam gelas yang berisi air. Pilih **Zat terlarut**, **Pelarut** dan **Larutan** bagi melabel bahan-bahan dalam rajah di bawah.



4. Rajah di bawah menunjukkan proses rawatan air di loji pembersihan. Label rajah di bawah dengan istilah yang betul.
(*Tarik jawapan masuk ke dalam kotak jawapan*)

Tangki Pengenapan	**Tangki Penggumpalan**	**Tangki Pengklorinan**	**Tangki Penurasan**



5. Rajah di bawah menunjukkan susunan radas yang digunakan untuk mengkaji komposisi air



a) Namakan kaedah yang digunakan dalam eksperimen ini

b) Namakan gas yang terbebas di dalam balang gas **N**

c) Nyatakan nisbah gas di dalam balang gas M kepada gas di dalam balang gas N

BAB 6 ASID DAN ALKALI

6. Pilih **Benar** atau **Palsu** pada pernyataan di bawah tentang alkali.

i) Nilai pH bagi alkali adalah kurang daripada 7	
ii) Alkali menukarkan kertas litmus merah lembab kepada biru	
iii) Alkali mempunyai rasa masam	
iv) Ammonia digunakan untuk menghalang getah cair daripada membeku	

7. Lengkapkan persamaan peneutralan yang berikut.

Asid + **Alkali** + ____ ____

8. Berikut adalah senarai beberapa jenis bahan.

Asid malik | **Asid formik** | **Larutan kalium hidroksida**

Berdasarkan senarai di atas, jawab soalan-soalan yang berikut. (*Tarik jawapan masuk ke dalam kotak jawapan*)

a) Bahan manakah yang mempunyai nilai pH yang kurang daripada 7? ____

b) Nyatakan bahan yang terdapat pada:

i) Semut merah ____

ii) Epal hijau ____